

# Pemimpin sokong tangguh pemilihan Majlis Tertinggi

BH 3 JUL 2002

KUALA LUMPUR, Isnin – Pemimpin kanan dan ahli Umno menerima baik cadangan pemilihan Majlis Tertinggi (MT) parti tahun depan ditangguh sehingga selepas selesai pilihan raya umum akan datang.

Mereka berpendapat keputusan itu sebagai langkah terbaik mengelak kemungkinan sentimen akibat persaingan sesama sendiri ketika pemilihan parti berlanjutan hingga ke pilihan raya umum.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata cadangan penangguhan pemilihan itu bagi membolehkan segala perhatian dan tenaga ditumpukan untuk menjamin kemenangan cemerlang

Umno dan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, rata-rata ahli Umno sependapat ia adalah langkah terbaik untuk mengelak sebarang perebutan yang akan mengalih tumpuan untuk memperoleh kejayaan cemerlang pada pilihan raya.

“Selain itu, ia juga dapat mengelak berlakunya politik berpuak-puak, iaitu kesan negatif daripada pertandingan.

“Secara peribadi saya memang menyokong sangat langkah untuk menangguhkan pemilihan Umno tahun depan,” katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan

pesawat Eagle ARV kepada Kementerian Pertahanan oleh Composites Technology Research Malaysia (CTRM) di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia Subang dekat sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, pemilihan MT Umno yang sepatutnya berlangsung tahun depan akan ditangguhkan sehingga selesai pilihan raya umum.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, persefahaman mengenai sudah dicapai di kalangan anggota MT bagi mengelakkan timbul sebarang masalah yang boleh menje-

jaskan tumpuan jentera parti untuk menghadapi pilihan raya umum yang dijangka diadakan tahun depan.

“Saya fikir satu persefahaman telah dicapai oleh MT supaya mengadakan pemilihan parti selepas pilihan raya umum supaya tidak ada gangguan,” katanya kepada wartawan Malaysia di Bangkok sebelum berlepas pulang ke tanah air selepas lawatan rasmi dua hari ke Thailand.

Tempoh penggal MT sekarang akan tamat Jun tahun depan manakala tempoh akhir untuk pilihan raya umum akan datang ialah penghujung tahun 2004. Perlembagaan Umno membenarkan tempoh

penggal MT dilanjutkan selama 18 bulan.

Seorang lagi Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata penangguhan itu bukan sesuatu yang luar biasa kerana pernah dibuat sebelum ini apabila menghadapi keadaan serupa.

Katanya, ahli Umno tidak dapat memberi perhatian penuh kepada usaha memenangi pilihan raya umum jika pemilihan parti dibuat terlalu hampir dengan pilihan raya umum.

“Kalau ada pemilihan dan tidak lama kemudian ada pilihan raya umum, keadaan tentu akan jadi haru-biru,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.